

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HSM 314 Pensejarahan Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Penulisan tentang pencejarahan ekonomi Malaysia adalah memadai jika ditinjau dari sudut polisi sahaja. Setujukah anda?
2. Perawi **Sejarah Melayu** telah menggunakan unsur bukan sejarah yang dicernakan serentak dengan unsur sejarah sebagai satu kaedah penting untuk memenuhi matlamat kepengarangannya. Setujukah anda?
3. Penulisan **Tuhfat al-Nafis** oleh Raja Ali Haji bukan sahaja untuk memberi keabsahan terhadap campur tangan Bugis di alam Melayu tetapi juga bertujuan untuk menyampaikan satu sudut pandangan tentang sejarah orang Melayu dari sudut etika Islam. Bincangkan.
4. “Tulisan sarjana pentadbir British tentang kesultanan Melayu Melaka adalah tidak memadai malah adakalanya menampakkan sikap yang sinis, mencemuh dan menggantingkan sejarah kesultanan Melayu Melaka itu sendiri.”

Dengan merujuk kepada tulisan R.O. Winstedt dalam **A History of Malaya** (bab3), bahaskan kenyataan ini.

5. **Kisah Pelayaran Abdullah** telah memperlihatkan sifat Abdullah sebagai pengarang, pemerhati, pengkritik dan pemikir masyarakat Melayu di zamannya. Berdasarkan kenyataan ini, telitikan pemikiran beliau terhadap soal kemunduran masyarakat Melayu di Pantai Timur pada abad ke 19 dan pada pandangan anda mengapa beliau begitu kritis dalam menyuarakan pandangannya.

6. Bandingkan tulisan Swettenham dengan mana-mana tiga sarjana lain berhubung isu campur tangan British di negeri-negeri Melayu pada 1874. Pada pendapat anda pandangan manakah yang lebih munasabah dan berikan alasan anda.
7. Charles Brooke, dalam bukunya **Ten Years in Sarawak**, berpendapat bahawa Sherip Masahor mengetuai suatu ‘komplot Melayu’ pada 1859-60 yang bertujuan untuk menggulingkan regim Brooke di Sarawak.

Dengan merujuk kepada beberapa versi pengisahan peristiwa, yakni oleh Sherip Masahor sendiri, tafsiran orang Kanowit dan pendapat para sarjana, sejauhmanakah anda bersetuju dengan pendapat Brooke itu.

--oo000oo--